

PANDUAN ADMINISTRASI

UNTUK MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-35 DRB-HICOM Berhad ("DRB-HICOM" atau "Syarikat") akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : Rabu, 28 Mei 2025

Masa : 10.00 pagi

**Lokasi : Glenmarie Ballroom, Glenmarie Hotel & Golf Resort,
No. 1, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1,
40250 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

REKOD PENDEPOSIT MESYUARAT AGUNG

Untuk tujuan menentukan ahli yang layak menghadiri AGM ke-35, Syarikat akan memohon kepada Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung ("General Meeting ROD") setakat 21 Mei 2025. Hanya pendeposit yang mana namanya tersenarai di dalam General Meeting ROD ini layak untuk menghadiri, mengambil bahagian dan mengundi di AGM ke-35 atau melantik proksi untuk menghadiri, mengambil bahagian dan mengundi bagi pihak dirinya.

SEKSYEN A: PENDAFTARAN UNTUK AGM KE-35

- Pendaftaran akan bermula pada jam 8.00 pagi di Lokasi yang telah ditetapkan.
- Sila kemukakan MyKad anda atau pasport (untuk bukan warganegara Malaysia) untuk tujuan pengesahan di kaunter pendaftaran. Pendaftaran menggunakan wakil **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- Sila ambil maklum bahawa hanya pemegang saham atau proksi yang memakai gelang tangan khas ("wristband") dibenarkan untuk memasuki Lokasi selepas pendaftaran. Gelang tangan yang hilang atau tersalah letak tidak akan diganti baharu.
- Tempat letak kereta yang tersedia di Glenmarie Hotel & Golf Resort adalah percuma.

SEKSYEN B: PELANTIKAN PROKSI

1. Tarikh tutup dan masa akhir untuk penyerahan Borang Proksi

Semua borang Proksi dan dokumen berkaitan pelantikan proksi/proksi-proksi atau peguam atau wakil korporat yang sah untuk AGM ke-35, sama ada dalam bentuk salinan cetak atau elektronik, harus diserahkan kepada Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd. ("Boardroom") tidak lewat daripada jam 10.00 pagi hari Isnin, 26 Mei 2025. Sila rujuk langkah-langkah di bawah untuk proses Penyerahan Borang Proksi.

2. Penyerahan Borang Proksi

a. Salinan cetak:

Salinan cetak Borang Proksi harus diserahkan di pejabat Boardroom di Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Borang Proksi ini boleh didapati di laman sesawang Syarikat di <https://www.drb-hicom.com/investors/agm-35/>.

- b. Salinan elektronik (ikut langkah-langkah berikut)

Daftar Dalam Talian dengan Boardroom Smart Investor Portal (“BSIP”)

(Hanya untuk pengguna BSIP kali pertama)

- (a) Buka pelayar internet. Versi terkini Chrome, Firefox, Safari, Edge atau Opera adalah disarankan.
- (b) Sila layari laman sesawang BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com>.

Akaun Individu	Akaun Korporat (Untuk Wakil Pemegang Korporat atau Penama Diberi Kuasa)
<ul style="list-style-type: none"> • Klik “Register” untuk mendaftar sebagai pengguna dan pilih “Sign up as Individual”. • Lengkapkan pendaftaran dengan maklumat yang diperlukan. Muat naik dan lampirkan salinan MyKad anda (depan dan belakang) atau Pasport dalam format JPEG, PNG atau PDF. • Klik “Sign Up” 	<ul style="list-style-type: none"> • Klik “Register” untuk mendaftar sebagai pengguna dan pilih “Sign up as Corporate Holder”. • Lengkapkan pendaftaran dengan maklumat yang diperlukan. Muat naik dan lampirkan salinan MyKad anda (depan dan belakang) atau Pasport dalam format JPEG, PNG atau PDF, berserta surat kebenaran yang lengkap. • Klik “Sign Up”. <p>[Nota: Jika anda dilantik sebagai wakil sah untuk lebih daripada satu syarikat, sila klik “home button” dan pilih “Edit Profile” untuk menambah maklumat ini selepas akaun BSIP anda telah diluluskan.]</p>

- (c) Anda akan menerima e-mel daripada Boardroom untuk pengesahan alamat e-mel. Klik **“Verify Email Address”** untuk meneruskan proses pendaftaran.
- (d) Setelah alamat e-mel anda disahkan, anda akan diarahkan ke BSIP untuk pengesahan nombor telefon bimbit. Klik **“Request OTP Code”** dan kod OTP akan dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan. Anda perlu masukkan kod OTP untuk pengesahan dan klik **“Enter”** untuk melengkapkan proses pendaftaran.
- (e) Setelah nombor telefon anda disahkan, pendaftaran akaun BSIP baharu anda perlu menunggu kelulusan akhir.
- (f) Anda akan menerima e-mel dalam tempoh satu hari perniagaan yang memaklumkan akaun BSIP anda telah diluluskan. Setelah pendaftaran akaun selesai, anda boleh log masuk ke BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com> menggunakan alamat e-mel dan kata laluan yang anda berikan semasa pendaftaran untuk langkah seterusnya.

PANDUAN ADMINISTRASI

UNTUK MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35

Untuk Pemegang Saham Individu, Pemegang Saham Korporat

- Buka pelayar internet. Versi terkini Chrome, Firefox, Safari, Edge atau Opera adalah disarankan.
- Layari laman sesawang BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com>.
- Log masuk akaun BSIP anda dengan menggunakan alamat e-mel berdaftar dan kata laluan anda.
- Klik "**Meeting Event**" dan pilih "**DRB-HICOM BERHAD 35TH ANNUAL GENERAL MEETING**" daripada senarai syarikat dan klik "**Enter**".

Pemegang Saham dan Pemegang Korporat	Syarikat Penama
<ul style="list-style-type: none"> Pilih Syarikat yang anda wakili – untuk pengguna Akaun Korporat sahaja. Pergi ke "PROXY" dan klik "Submit eProxy Form". Masukkan nombor akaun CDS 9 digit anda dan bilangan sekuriti yang dipegang. Pilih pelantikan proksi/proksi-proksi anda – sama ada Pengurus mesyuarat atau proksi/proksi-proksi individu. Baca dan terima semua Terma dan Syarat dan klik "Next". Masukkan butiran proksi/proksi-proksi anda yang diperlukan. Nyatakan arahan pengundian anda untuk setiap Resolusi – MENYOKONG, TIDAK MENYOKONG, BERKECUALI atau ATAS BUDI BICARA. Jika anda memilih ATAS BUDI BICARA, proksi/proksi anda akan menentukan undi anda semasa mesyuarat. Semak dan sahkan pelantikan proksi/proksi-proksi anda dan klik "Submit". Muat turun atau cetak Borang eProxy sebagai pengakuan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pilih Syarikat Penama yang anda wakili. Pergi ke "PROXY" dan klik "Submit eProxy Form". Klik "Download Excel Template" untuk memuat turun. Masukkan pelantikan proksi/proksi-proksi untuk setiap akaun CDS dengan butiran yang diperlukan serta arahan pengundian di dalam templat fail Excel yang dimuat turun. Pastikan maklumat yang dimasukkan adalah betul dan teratur. Muat naik fail Excel yang telah dilengkapkan. Semak dan sahkan pelantikan proksi/proksi-proksi anda dan klik "Submit". Muat turun atau cetak Borang eProxy sebagai pengakuan.

Sila ambil maklum bahawa tarikh tutup dan masa untuk mengemukakan borang proksi/proksi-proksi anda adalah pada hari **Isnin, 26 Mei 2025 pada jam 10.00 pagi**.

c. Pembatalan Proksi

Jika pemegang saham telah menyerahkan borang proksi sebelum AGM dan kemudiannya membuat keputusan untuk melantik individu lain atau berhasrat untuk menyertai AGM ini sendiri, sila batalkan pelantikan proksi/proksi-proksi sekurang-kurangnya 48 jam sebelum AGM berlangsung. Sila rujuk langkah-langkah di bawah untuk pembatalan borang eProxy atau salinan cetak borang proksi:

Borang eProxy	Salinan Cetak Borang Proksi
<ul style="list-style-type: none"> • Sila ke "Meeting Event" dan pilih "DRB-HICOM BERHAD 35TH ANNUAL GENERAL MEETING" daripada senarai syarikat-syarikat dan klik "Enter". • Pergi ke "PROXY" dan klik "Submit Another eProxy Form". • Pergi ke "Submitted eProxy Form List" dan klik "View" untuk borang eProxy. • Klik "Cancel/Revoke" pada bahagian bawah borang eProxy. • Klik "Proceed" untuk mengesahkan. 	Sila tulis kepada bsr.helpdesk@boardroomlimited.com untuk membatalkan pelantikan proksi/proksi-proksi.

Setelah pelantikan dibatalkan, proksi/proksi yang dilantik terdahulu tidak dibenarkan menyertai AGM ini. Dalam hal ini, pemegang saham perlu memaklumkan proksi/proksi mereka.

SEKSYEN C: PENGUNDIAN PADA AGM KE-35

- (i) Pengundian pada AGM ke-35 akan dijalankan menurut Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, secara undian elektronik ("e-voting"), menggunakan peranti telefon pintar/tablet anda sendiri atau menerusi kiosk e-voting di dewan mesyuarat. Pendaftar saham/pentadbir undian Syarikat iaitu Boardroom akan membantu pelaksanaan pengundian di AGM.
- (ii) Undian untuk semua resolusi yang disenaraikan dalam Notis AGM ke-35 akan berlangsung serentak selepas perbincangan mengenai semua urusan yang perlu dijalankan dalam AGM selesai.
- (iii) Sejurus selepas sesi pengundian ditutup oleh Pengerusi, juruaudit bebas akan mengesahkan laporan keputusan undian. Seterusnya, Pengerusi akan mengumum dan mengisyiharkan sama ada resolusi-resolusi yang dibentangkan untuk pengundian telah diluluskan atau sebaliknya.

SEKSYEN D: PENGEMUKAAN SOALAN

- (i) Sebelum Hari Mesyuarat
Ahli-ahli dan proksi-proksi boleh mengemukakan soalan sebelum AGM berlangsung kepada Pengerusi atau Lembaga Pengarah menerusi BSIP di <https://investor.boardroomlimited.com> dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang sama yang disediakan oleh Boardroom tidak lewat daripada **hari Isnin, 26 Mei 2025 pada jam 10.00 pagi**. Klik "**Submit Question**" selepas memilih "**DRB-HICOM BERHAD 35TH ANNUAL GENERAL MEETING**" di bawah "**Meeting Event**" bagi mengemukakan soalan anda.
- (ii) Pada Hari Mesyuarat
Pemegang saham, proksi/proksi-proksi, dan wakil/wakil korporat yang sah boleh mengemukakan soalan secara langsung di Lokasi Mesyuarat. Pengerusi atau Lembaga Pengarah akan berusaha menjawab semua soalan yang diterima berkaitan AGM.

PANDUAN ADMINISTRASI

UNTUK MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35

SEKSYEN E: LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU

- (i) Laporan Tahunan Bersepadu 2024 ("IAR 2024") boleh didapati di laman sesawang korporat Syarikat berserta lain-lain dokumen AGM di <https://www.drb-hicom.com/investors/agm-35/>.
- (ii) Anda boleh memohon salinan bercetak IAR 2024 menerusi Portal Boardroom Smart Investor di <https://investor.boardroomlimited.com> dengan memilih "**Request for Annual Report/Circular**" di bawah menu "**Investor Services**".
- (iii) Sila pertimbangkan impak ke atas alam sekitar sebelum anda memohon salinan bercetak IAR 2024.

SEKSYEN F: PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Portal Mesyuarat Boardroom atau pelantikan proksi sebelum berlangsungnya AGM ini, sila hubungi Boardroom pada waktu pejabat dari Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 5.30 petang (kecuali cuti umum):

Boardroom Share Registrars Sdn. Bhd.

Talian Am : +603 7890 4700
Faks : +603 7890 4670
E-mel : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

SEKSYEN G: KESELAMATAN DATA PERIBADI

Dengan penggunaan BSIP, ahli/ahli-ahli, proksi/proksi-proksi, wakil/wakil-wakil korporat atau peguam/pegawai menerima dan bersetuju ke atas pengambilan, penggunaan, dan pendedahan data peribadi anda oleh Syarikat (atau penyedia perkhidmatan yang dilantik) untuk tujuan penyediaan dan kompilasi dokumen-dokumen berkaitan AGM ke-35 (termasuk sebarang penangguhannya).